

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.33 (9)

Tarikh : 25 Februari 2015

**Ketua Pengarah
Kosmo**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN KOSMO KECEWA BERTARIKH 19 FEBRUARI 2015 KHAMIS-
M.S: 50 (SMS PILIHAN)**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh **KECEWA** berkenaan kelewatan tempoh siap kad pengenalan.

3. Adalah dimaklumkan, piagam pelanggan bagi permohonan kad pengenalan kali pertama kanak-kanak berumur 12 tahun dan gantian Mykad di JPN Cawangan UTC adalah 24 jam daripada tarikh permohonan dibuat di kaunter.

4. Sehubungan dengan itu, pemberitahuan tempoh 1 hari adalah bersamaan dengan tempoh 24 jam sepertimana yang dipaparkan di carta pemberitahuan yang berada di ruang legar Pejabat UTC Kuala Lumpur. JPN berharap penjelasan ini dapat mengelakkan kekeliruan pemohon berkenaan tempoh Mykad siap.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)